

NOMBOR INDEKS 1

1. Suatu barangan elektrik mengandungi empat bahagian, A, B, C and D. Jadual menunjukkan harga unit dan harga indeks keempat-empat bahagian itu pada tahun 2015 berdasarkan tahun 2013 dan bilangan bahagian yang digunakan dalam menghasilkan barangan elektrik tersebut.

Bahagian	Harga pada tahun 2013 (RM)	Harga pada tahun 2015 (RM)	Harga indeks pada tahun 2015 berdasarkan tahun 2013	Bilangan bahagian
A	25	35	140	m
B	p	18	120	2
C	32	q	125	6
D	30	33	r	5

Cari

- (a) nilai-nilai

p

q

r

- (b) nilai m, jika indeks gubahan tahun 2015 berdasarkan tahun 2013 ialah 123.53

m=

- (c) harga unit barangan elektrik itu pada tahun 2015 jika harga unit barangan tersebut pada tahun 2013 ialah RM 425.

RM

2.

Bahan	Harga indeks bagi tahun 2014 berdasarkan tahun 2012	Pemberat
P	115	3
Q	95	1
R	100	4
S	n	2

Jadual menunjukkan indeks harga dan pemberat bagi empat bahan P, Q, R dan S, yang digunakan untuk membuat sejenis makanan. Indeks gubahan bagi kos membuat makanan itu pada tahun 2014 berdasarkan tahun 2012 ialah 106.

- (a) a) Hitung harga bahan Q pada tahun 2014 jika harganya pada tahun 2012 ialah RM20. RM

- (b) b) Cari peratus perubahan harga dari tahun 2012 ke tahun 2014 bagi bahan S.


%

- (c) c) Indeks gubahan bagi kos membuat makanan itu bertambah sebanyak 10% dari tahun 2014 kepada tahun 2015, hitung

- (i) indeks gubahan bagi perbelanjaan pada tahun 2015 berdasarkan tahun 2012,

- (ii) harga makanan itu pada tahun 2015 jika harga yang sepadan pada tahun 2012 ialah RM75. RM

3.




Rajah di sebelah ialah carta pai yang mewakili peratus perbelanjaan sebuah kilang untuk lima komponen yang digunakan untuk menghasilkan jenis alat elektrik. Jadual di bawah menunjukkan harga dan indeks harga komponen itu pada tahun 2020 berdasarkan tahun 2018.

Komponen	Harga (Rm) Per Unit		Indeks Harga Pada Tahun 2020 Berasaskan Tahun 2018
	2018	2019	
P	x	65	130
Q	30	50	150
R	50	80	160
S	20	y	110
T	10	12	z

- (a) Cari nilai-nilai bagi x y z .
- (b) Hitung indeks gubahan bagi harga komponen itu pada tahun 2020 berasaskan tahun 2018.
- (c) Jumlah perbelanjaan komponen itu pada tahun 2018 ialah RM7 500. Hitung jumlah perbelanjaan yang sepadan pada tahun 2020. RM
- (d) Harga komponen P dijangka berkurang sebanyak 10% sementara harga setiap komponen lain dijangka meningkat sebanyak 5% dari tahun 2020 hingga tahun 2022. Cari jangkaan indeks gubahan bagi harga komponen itu pada tahun 2022 berasaskan tahun 2018 jika peratusan perbelanjaan untuk setiap komponen itu tidak berubah.

4. Rajah menunjukkan perbelanjaan bulanan pada barangan A, B, C dan D. Jadual 3 menunjukkan harga, indeks harga tahun 2019 berasaskan tahun 2015 dan pemberat bagi barangan itu.



Item Barangan	Harga per unit (RM)		Indeks harga
	Tahun 2015	Tahun 2019	
A	1.40	1.47	w
B	2.40	x	180
C	4.80	6.96	145
D	y	7.28	140

- Carikan nilai-nilai
- (a) w x y
- (b) Kirakan indeks harga gubahan bagi barangan-barangan itu pada tahun 2019 berasaskan tahun 2015.
- (c) Jumlah perbelanjaan bagi barangan-barangan itu pada tahun 2015 ialah RM1150. Kirakan jumlah perbelanjaan bagi barangan-barangan itu pada tahun 2019. RM
- (d) Kos barangan itu bertambah sebanyak 30% dari tahun 2019 ke tahun 2022. Carikan indeks harga gubahan pada tahun 2022 berasaskan tahun 2015.